

11/04/1997

Malaysia mahu imbangi dagangan dua hala

ISLAMABAD, Khamis - Malaysia mengemukakan cadangan kepada Pakistan untuk membantu mengimbangi perdagangan antara kedua-dua negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Cadangan itu termasuk mengenal pasti barangan yang boleh dibeli Malaysia dari Pakistan dan mungkin Malaysia boleh membantu dalam pemprosesan barangan itu untuk tujuan eksport.

"Cara itu juga akan membantu Pakistan memperoleh pendapatan tukaran asing," kata Perdana Menteri dalam sidang akhbar di pangkalan tentera Udara Chaklala di sini sebelum pulang ke tanah air selepas membuat lawatan singkat ke Pakistan semalam.

Dr Mahathir yang sebelum itu melawat dua negara Teluk, Bahrain dan Kuwait, bagi membentuk hubungan dan kerjasama ekonomi yang lebih erat, mengadakan pertemuan dua hala dengan Perdana Menteri Pakistan, Nawaz Sharif.

"Pada masa yang sama, kita boleh membincangkan cara dan kaedah yang boleh dilakukan oleh syarikat Malaysia untuk membantu mengurangkan import dengan mengeluarkan barangan yang diimport dalam Pakistan sendiri," katanya.

Malaysia mengekalkan dasarnya terhadap Kerjasama Selatan-selatan dengan melabur di negara di rantau itu selain terus menyediakan latihan dan kepakaran kepada rakyat negara seperti Afrika, Pasifik Selatan dan Asia Tenggara.

"Malaysia belum lagi lupa, jauh daripada itu. Kita mempunyai dasar cuba membantu negara-negara miskin kerana kita mahu melihat mereka menjadi kaya. Bila mereka telah kaya mereka boleh membeli minyak kelapa sawit kita," katanya menjawab soalan sama ada Malaysia tidak akan menghiraukan untuk membantu negara kurang maju seperti Pakistan dalam proses ia menuju menjadi negara perindustrian. - Bernama

(END)